

Pertembungan Undang-undang Syariah, Common Law

Tajuk : *Proceeding ISCOL2006
(International Seminar
On Syariah*

& Common Law 2006)

Suntingan : Dina Imam Supaat,
Zahari Mahad Musa dan Maheran
Mohamed

Penerbit : Fakulti Syariah
dan Undang-undang,

Kolej Universiti Islam Malaysia
(KUIM).

Tahun: 2006

Pengulas : SAPORA SIPON

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdul-
lah Ahmad Badawi dalam ucapannya
pada Perhimpunan Agung Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-61 di
Ibu Pejabat PBB di New York menjelas-
kan beliau percaya kewujudan prejudis
terhadap orang Islam berpunca daripada
kekurangan fahaman terhadap ciri sebenar
Islam dan makna yang dibawanya.

Beliau memberi contoh kekurangan
penghargaan di Barat terhadap peranan
agama dalam kehidupan orang Islam.

Secara peribadinya, Perdana Menteri
juga merasa amat terganggu bahawa
banyak masalah dalam dunia adalah
disebabkan oleh tindakan tidak rasional
yang berpunca daripada prejudis dalam
sikap manusia.

Masalah yang wujud adalah disebab-
kan oleh kegagalan untuk berdialog, ber-
komunikasi dan berhubung antara satu
sama lain sebagai manusia yang sama-
sama hidup dalam planet yang sama.

Abdul Manan Ismail melalui artikel
"Hak bukan Islam ke atas mayat menu-
rut perspektif syariah" menjelaskan pe-
rebutan atau tuntutan ke atas mayat
untuk dikebumikan menurut agama ma-
sing-masing kini melibatkan beberapa
kes di negara. Jika ini berlaku apakah
persoalan hak saudara-mara si mayat
itu?

Artikel ini adalah salah satu artikel
yang menarik untuk dibaca dalam Pro-
ceeding ISCOL2006 (International Se-
minar On Syariah & Common Law
2006) Islam amat menitikberatkan per-
soalan kehormatan walaupun selepas
berlakunya kematian. Berkaitan dengan
isu hak bukan Islam ke atas mayat
menurut perspektif syariah, penulis ar-
tikel yang juga merupakan seorang pen-
syarah di Fakulti Syariah dan Undang-
Undang di KUIM menjelaskan Islam
sebenarnya tidak akan membenarkan
tuntutan ke atas mayat yang tidak diya-
kini keislamannya untuk disempurnakan
pengurusan jenazahnya menurut
syarak.

Dengan kata lain, tidak timbul isu
bahawa Islam akan merampas hak
orang bukan Islam untuk menguruskan
jenazah orang bukan Islam bahkan Is-
lam akan memastikan bahawa jenazah
mereka akan dikebumikan menurut
ajaran agama masing-masing.

Tentu sekali dalam kes mengurus je-
nazah orang bukan Islam, tidak timbul
isu bahawa Islam akan merampas hak
orang bukan Islam untuk menguruskan
jenazah orang bukan Islam bahkan Islam
akan memastikan bahawa jenazah mere-
ka akan dikebumikan menurut ajaran
agama masing-masing sekiranya berlaku
kesanggupan untuk berdialog dan men-
dengar secara betul dan jujur dalam
hubungan antara satu sama lain dan
disertai dengan tindakan yang betul.

Artikel ini adalah antara 41 jumlah
artikel yang amat menarik yang terda-
pat dalam Proceeding ISCOL2006 (In-
ternational Seminar On Syariah & Com-
mon Law 2006) yang lahir dari Interna-
tional Seminar On Syariah and Com-
mon Law 2006 (ISCOL2006) anjuran
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
dan Jabatan Kehakiman Syariah Malay-
sia dengan kerjasama Jabatan Peguam
Negara pada 20 dan 21 September lalu.

ISCOL2006 ini bermatlamat antara
lainnya untuk mengalakkan persefaha-
man yang lebih kukuh mengenai isu and
etika, prinsip-prinsip undang-undang
dan amalan yang wujud dalam undang-
undang syariah dan *Common Law*.

Mengalakkan persefahaman yang le-
bih kukuh antara undang-undang sya-
riah dan *common law* adalah selari
dengan tema seminar ISCOL2006 iaitu
"*Bridging the Gaps: Towards Better
Understanding*".

Ini juga mempunyai hubung kait de-
ngan saranan Perdana Menteri dalam
ucapannya di PBB iaitu tujuan perbin-
cangan dan rundingan yang jujur ada-
lah bagi membolehkan menggubal das-
ar-dasar yang rasional dan berkesan.

Dalam usaha ke arah itu, semua orang
perlu mendengar secara betul dan jujur
dalam hubungan antara satu sama lain.

Banyak dialog yang berlaku sekarang
hanya menghasilkan pihak-pihak terli-
bat mengata antara satu sama lain dari-
pada bercakap sesama sendiri.

Satu artikel yang amat menarik hati
penulis ialah *Conflict of Civil and Sha-
riah Law: Issues and practical Solutions
in Malaysia yang ditulis oleh Datuk
Abdul Hamid Mohamad, Hakim Mah-
kamah Pesekutuan*.

Secara jujur saya akui bahawa artikel
ini berjaya memaku saya untuk mem-
baca sehingga habis dan sebagai orang
yang bukan berlatar belakang undang-
undang telah berjaya memahami apa
yang ingin disampaikan.

Seseorang pernah berkata kepada sa-
ya, hasil tulisan yang baik ialah bila
mana orang menulis boleh membuat
orang yang membaca memahami apa
yang ingin disampaikan tanpa mengira
latar belakang si pembaca.